

Seri Paduka berkenan terima menghadap Anwar

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Istana Bukit Tunku, di sini semalam.

Menerusi hantaran di Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, pada pertemuan itu Seri Paduka Baginda berkenan dipersembahkan taklimat mengenai pelbagai isu semasa.

"Seri Paduka Baginda turut dipersembahkan mengenai pelaksanaan inisiatif BUDI MADANI RON95 (BUDI95) serta persiapan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 yang dijadualkan berlangsung di ibu negara pada bulan depan," menurut hantaran itu.

Pada Isnin lalu, Anwar mengumumkan harga petrol RON95 dikurangkan kepada RM1.99 seliter berbanding RM2.05 seliter menerusi penyasaran subsidi di bawah inisiatif BUDI95.

Menurut Kementerian Kewa-



Agong terima menghadap Anwar di Istana Bukit Tunku, semalam.

(Foto FB Sultan Ibrahim Sultan Iskandar)

ngan, sistem BUDI95 dibuka awal kepada 300,000 anggota tentera dan polis pada 27 September, manakala bagi penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) pada 28 Sept, diikuti 30 September bagi 16 juta rakyat Malaysia berusia 16 tahun dan

ke atas yang memiliki MyKad serta lesen memandu aktif.

Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 berlangsung di ibu negara dari 26 hingga 28 Oktober ini.

Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 akan menganjurkan sidang kemuncak itu de-

ngan tema 'Keterangkuman dan Kemampanan' dan menjadi acara antarabangsa besar yang menghimpunkan pemimpin dari 10 negara anggota ASEAN serta rakan dialog dari seluruh dunia.

BERNAMA